



Angela (tengah) meraih empat pingat emas dan satu perak pada aksi pembuka tirai HESF di Melaka, semalam.

Angela, Wei Tze tawan kolam renang



Melaka: Atlet renang Universiti Putra Malaysia (UPM), Angela Chieng Chu menggondol empat pingat emas dan satu perak pada aksi pembuka tirai Festival Sukan Pendidikan Tinggi (HESF) 2018, di sini, semalam.

Olahragawati Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018 berusia 20 tahun itu menawarkan kolam renang di Pusat Akuatik Hang Jebat dengan mengungguli semua acara kegemarannya disiplin kuak dada 100 dan 200 meter (m) wanita

terbuka.

Perenang Universiti Taylor, Foong Wei Tze turut menyerlah dengan meraih tiga emas menerusi acara 50, 100 dan 200m kuak dada lelaki terbuka dalam temasya di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) itu.

Julung kali

Buat julung kali diperkenalkan oleh Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), HESF 2018 menjadi medan terbaru persiapan atlit institusi pengajian tinggi (IPT)

memburu slot beraksi di Sukan Universiti ASEAN (AUG) Myanmar, Disember ini.

Dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan kementerian, Mohamad Azhan Md Amir semalam, temasya menawarkan 75 pingat emas menerusi lima acara sukan iaitu golf, olahraga, petanque, ping pong dan renang serta membabitkan 526 atlet daripada 31 kontinen.

Ketua Sekretariat HESF, Mohd Izwan Khairuddin berkata temasya ini adalah kesinam-

bungan daripada SUKIPT dengan program sukan di bawah kalender Majlis Sukan Universiti Malaysia tetap berjalan seperti dirancang.

“HESF 2018 menjadi landasan terbaik serta pentas pencarian dan pemilihan atlet IPT terutama bagi menghadapi AUG Myanmar 2018,” katanya dengan temasya itu akan menjadi projek perintis penjenamaan baru program sukan IPT dan jika mendapat sambutan, ia berkemungkinan akan diperbesarkan.